

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERIN)

UPACARA: PERUTUSAN HARI KEBANGSAAN

TEMPAT: RADIO DAN TELEVISYEN MALAYSIA, KUALA LUMPUR

TARIKH: 30 AUG 1995

MASA:

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan
salam sejahtera.

Alhamdulillah, kita bersyukur kerana
negara kita telah pun genap 38 tahun merdeka. Bagi
sebuah negara, 38 tahun bukanlah satu jangka masa yang
panjang. Namun dalam tempoh yang singkat ini, negara
telah membangun dengan amat pesat serta mengalami
banyak perubahan di samping mencapai kejayaan-kejayaan
yang boleh dibanggakan.

2. Pada hari ini kita bukan sahaja merupakan sebuah
negara yang aman tetapi juga maju dan makmur. Ekonomi
negara adalah kukuh dan terus berkembang pesat.
Daripada sebuah negara yang bergantung kepada eksport
komoditi utama seperti getah dan bijih timah, eksport
barang-barang perkilangan kini menyumbang 78 peratus
daripada jumlah nilai eksport negara. Taraf hidup
rakyat bukan sahaja jauh lebih tinggi daripada semasa
kita baru merdeka, bahkan kita menikmati berbagai-bagai
kemudahan yang setaraf dengan negara maju.

3. Tidak banyak negara yang telah merdeka pada waktu
yang sama dengan kita atau lebih awal daripada kita
telah mencapai kejayaan seperti kita. Malaysia telah
membangun begitu pesat sekali sehingga ianya diiktiraf
oleh badan-badan antarabangsa sebagai model untuk
pembangunan bagi negara-negara membangun.

4. Bukanlah kita hendak mendabik dada, tetapi ini
adalah satu kenyataan. Rakyat Malaysia boleh berbangga
dengan kejayaan dan pencapaian negara setelah merdeka.
Setiap rakyat negara ini berhak berasa bangga kerana
semua kejayaan ini adalah hasil usaha gigih dan
pengorbanan mereka sendiri. Walaupun kita terdiri
daripada penduduk berbilang kaum dan agama, sikap
toleransi dan kerjasama di antara satu dengan lain
telah membolehkan Malaysia terus stabil dan membangun
dengan pesat.

5. Kejayaan memanglah baik dan sesuatu yang diimpi-
impikan oleh semua orang. Negara yang tidak berjaya
bukan sahaja tidak dihormati oleh orang lain tetapi

juga membawa banyak masalah.

6. Namun kejayaan juga mempunyai kos dan masalahnya. Kita telah melihat bagaimana ada pihak-pihak yang tidak senang dengan kejayaan kita dan cuba menghalang kita daripada terus maju dan menjadi pesaing kuat kepada mereka. Mereka cuba mengenakan berbagai-bagai sekatan ke atas negara-negara membangun yang berjaya seperti Malaysia atas alasan kononnya kita tidak demokratik, kita melanggar hak asasi manusia, kita tidak menjaga alam sekitar dengan baik dan kita tidak memberi kebebasan kepada pekerja untuk mengambil tindakan perusahaan.

7. Selain daripada tindakan pihak asing menghalang kemajuan kita, mereka juga mengancam menarik balik Sistem Keutamaan Am atau GSP umpamanya dengan alasan bahawa kita sudah mencapai taraf negara maju. Dalam perkara ini kita harus terima bahawa lambat-laun kemudahan ini akan ditarik balik. Yang perlu dibuat oleh kita ialah mempertingkatkan produktiviti kita supaya jika dikenakan cukai sekalipun barangan kita akan berdaya saing.

8. Kekurangan tenaga buruh telah menyebabkan tekanan ke atas upah dan meningkatkan kos pengeluaran. Walaupun pengambilan buruh asing telah dapat memenuhi keperluan tenaga kerja negara, langkah ini menyebabkan pengaliran keluar tukaran wang asing yang besar setiap tahun.

9. Kejayaan juga telah menimbulkan berbagai-bagai masalah sosial seperti kegiatan tidak sihat di kalangan belia kita termasuk menghisap dadah, melepak, bohsia dan lain-lain lagi. Masalah ini mungkin timbul sebab ramai ibu bapa kini mengenyahkan tanggungjawab mereka sebagai ibu bapa kerana terlalu sibuk mengejar kemewahan. Kesannya, anak-anak ini terbiar dan tidak mendapat pedoman dan tunjukajar yang diperlukan.

10. Walaupun masalah ini belum begitu rumit, jika tidak dibendung dari sekarang ianya boleh menjadi serius. Dengan munculnya TV satelit dan 'information superhighway', penerimaan maklumat mungkin tidak dapat dikawal dan disekat lagi. Anak-anak muda kita akan terdedah kepada berbagai-bagai maklumat dan nilai hidup yang tidak sihat. Jika kita tidak berhati-hati, masalah keruntuhan moral di kalangan belia yang sedang menghantui Barat akan muncul di hadapan pintu kita.

11. Inilah antara kos dan masalah yang terpaksa kita hadapi hasil daripada pembangunan ekonomi yang pesat ini. Kita tidak boleh memandang ringan gejala-gejala ini. Mengurangkan pertumbuhan ekonomi bukanlah caranya untuk mengelak daripada masalah kerana kemiskinan juga mempunyai banyak masalah.

12. Langkah-langkah perlu diambil untuk menjamin matlamat kita menjadi sebuah negara maju yang tidak tercemar seperti negara-negara maju lain akan tercapai. Kita mempunyai lebih kurang 25 tahun sahaja lagi untuk mencapai Wawasan 2020. Kita tidak boleh berpuashati dengan prestasi dan bentuk kejayaan kita sekarang. Masih banyak yang perlu dilakukan demi menjamin rupabentuk dan kualiti negara maju yang kita idamkan akan tercapai.

13. Tercapai atau tidaknya Wawasan kita adalah di tangan kita sendiri. Rakyat Malaysia mesti mempunyai keyakinan diri yang tinggi untuk maju. Apa yang boleh dibuat oleh orang lain, boleh juga dibuat oleh kita. Hanya yang diperlukan ialah kesanggupan untuk berusaha bersungguh-sungguh dan keberanian menghadapi semua cabaran. Tidak ada kuasa yang istimewa dan ajaib kepada orang lain. Mereka adalah manusia biasa seperti kita juga. Hanya mereka percaya mereka lebih berkebolehan memandangkan kepada kejayaan mereka sehingga kini.

14. Dalam dunia yang penuh saingan ini rakyat Malaysia mesti melengkapkan diri dengan pelbagai teknologi baru. Yakinlah bahawa kita boleh menguasai semua teknologi dan insya-Allah kita bukan sahaja akan menguasainya tetapi juga akan meneroka dan mencipta kemajuan baru bagi teknologi berkenaan. Perkara ini bukanlah mustahil.

15. Sumber-sumber yang kita ada tidak akan kekal buat selama-lamanya. Melainkan kita tingkatkan keupayaan kita dengan menguasai teknologi baru, kita tidak akan dapat menggunakan sumber-sumber yang ada pada kita dengan lebih efisien. Untuk membangunkan sebuah ekonomi yang moden, mampu bersaing dan dinamik, ketekunan dan kesanggupan perlu ada bersama. Dalam dunia yang dibentuk oleh teknologi, kegagalan kita untuk melengkapkan diri dengan segala kemajuan teknologi akan menjejaskan usaha-usaha kita untuk menjadi negara maju.

16. Bagaimanapun kita tidak harus lupa akan pentingnya kestabilan dan keamanan yang kita nikmati sekarang. Jika negara tidak stabil adalah mustahil kita dapat membangunkan negara kita. Yang diperlukan dan penting bagi pelabur ialah kestabilan yang terjamin buat jangka masa panjang. Dan kitalah yang boleh menjamin kestabilan dan keamanan ini.

17. Negara tidak menjadi stabil kerana sistem Kerajaan, kerana demokrasi atau feudalisma. Negara menjadi stabil kerana rakyat dan pemimpin-pemimpin mereka sederhana, bertanggungjawab dan tidak tamak dan mengejar cita-cita masing-masing dengan mengambilkira kepentingan masyarakat dan negara. Jika rakyat dan pemimpin terlalu berebut-rebut untuk mendapat sesuatu

bagi diri sendiri dengan tidak mengambilkira akan kesan kepada pihak lain atau kesan jangka panjang maka huru-hara akan berlaku dan akan tamatlah kestabilan dan keamanan yang sedang kita nikmati sekarang.

18. Pendekatan dan landasan yang kita terokai jelas mampu membawa kebahagiaan kepada kita. Janganlah kita dengan sewenang-wenangnya menggugurkan apa yang sudah mendatangkan hasil yang baik kepada kita. Ini tidak bermakna memperbaiki tidak boleh dibuat lagi tetapi hendaklah kita berhati-hati dalam memperbaiki jalan yang telah kita terokai dan kita gunakan ini.

19. Asas dan ukuran kejayaan kita ialah pertumbuhan yang tinggi yang diiringi dengan inflasi yang rendah. Kedua-dua ini boleh diurus dan dicapai oleh kita. Hanya yang diperlukan ialah disiplin dan kesanggupan melakukan yang baik dan menghindar yang buruk untuk jangka panjang.

20. Kerajaan akan terus memperkenalkan langkah-langkah yang boleh membantu pertumbuhan ekonomi dalam suasana yang aman dan stabil. Kerjasama swasta dan Kerajaan dalam konsep Persyarikatan Malaysia menjadi satu daripada asas urusan negara. Anggapan dahulu bahawa bukanlah menjadi tanggungjawab Kerajaan untuk menolong swasta mencapai kejayaan adalah cetek. Hasil yang dikutip oleh Kerajaan untuk membiayai perbelanjaan pengurusan dan pembangunan datang daripada kegiatan pihak swasta. Sudah tentu jika mereka gagal tidak ada cukai yang boleh dikutip. Sebaliknya jika mereka untung besar lebih 30 peratus daripada keuntungan ini adalah hak Kerajaan. Justeru itu, apabila Kerajaan menolong swasta, sebenarnya Kerajaan menolong diri sendiri dan juga rakyat.

21. Demikian juga dengan penswastaan. Tujuannya ialah untuk membantu Kerajaan dan juga rakyat. Pertumbuhan ekonomi yang tinggi di Malaysia adalah hasil daripada konsep Persyarikatan Malaysia dan penswastaan.

22. Rakyat harus faham bahawa tiap sesuatu yang diperkenalkan oleh Kerajaan adalah untuk bangsa dan negara kita. Justeru itu, bekerjasama dan jayakanlah langkah-langkah yang diperkenalkan oleh Kerajaan demi kebahagiaan dan kesejahteraan bangsa dan negara kita Malaysia.